# Aktiviti Terkini – September 2023
# Projek D4C

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN RAKAN KOLABORASI | |
|---|---|
| Tahap | Aktiviti |
| Kerjasama strategik bersama pihak berkepentingan | **TAKLIMAT DAN PROSES PENUBUHAN KOPERASI**<br><br>Pihak sekretariat Projek D4C telah mengadakan satu taklimat berkenaan penubuhan koperasi yang disampaikan oleh wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Perlis, En Sukri Rahim dan telah menubuhkan satu koperasi iaitu Koperasi Pengusaha Cendawan Perlis D4C Berhad bagi tujuan pemasaran, pengedaran dan penjualan produk segar cendawan tiram.<br><br>  |

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN RAKAN KOLABORASI | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Kerjasama strategik bersama pihak berkepentingan** | **KERJASAMA BERSAMA MARDI (BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKANAN) – PEMBANGUNAN PRODUK HILIRAN**<br><br>Satu kerjasama baru telah dijalinkan melalui MARDI Negeri Perlis antara Projek D4C dan MARDI Ibu Pejabat (Bahagian Teknologi Makanan) untuk tujuan pembangunan produk hiliran berasakan cendawan tiram bagi pengembangan projek. Selain itu, kerjasama dengan MARDI Perlis bagi penghasilan bongkah cendawan sendiri oleh peserta projek.<br> |

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN RAKAN KOLABORASI | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Kerjasama strategik bersama pihak berkepentingan** | **KERJASAMA BERSAMA FERMWASTE SDN BHD – PEMBANGUNAN BAJA KOMPOS**<br><br>Satu jaringan kolaborasi bersama pemain industri iaitu Fermwaste Sdn. Bhd. telah diadakan bagi pembangunan produk hiliran (baja kompos) daripada sisa bongkah cendawan. Inisiatif ini dilakukan bagi menjaga kelestarian alam sekitar yang merupakan sebahagian daripada ekosistem rantaian bekalan dalam Projek D4C. |






# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN RAKAN KOLABORASI | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Pembinaan Infrastruktur – Rumah Cendawan bersama sistem inovasi** | **LAWATAN KE RUMAH CONTOH OLEH CEO TERAJU**<br><br>Satu lawatan tapak oleh Dato’ Md Silmi Abd Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif, TERAJU ke rumah contoh di Kampung Padang Siding.<br><br>   |

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN RAKAN KOLABORASI | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Pembinaan Infrastruktur – Rumah Cendawan bersama sistem inovasi** | **LAWATAN TAPAK KERJA OLEH PIHAK TERAJU**<br><br>Satu lawatan kerja oleh pihak TERAJU telah diadakan bagi memantau perkembangan kemajuan projek dari segi pembangunan infrastruktur rumah cendawan. Lawatan ini juga bertujuan untuk menilai infrastruktur rumah cendawan mengikut spesifikasi yang dicadangkan oleh pihak sekretariat Projek D4C.<br>   |

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN RAKAN KOLABORASI | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Pembinaan Infrastruktur – Rumah Cendawan bersama sistem inovasi** |       |

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN RAKAN KOLABORASI | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Pelaksanaan Pemindahan Ilmu dan Teknologi & Pembangunan Modal Insan** | **KELAS/LATIHAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP)**<br><br>Seterusnya kelas/Latihan KTP diteruskan dengan modul penanaman cendawan. Modul ini telah mendedahkan kepada peserta tentang ilmu dan kemahiran yang diperlukan dalam penanaman cendawan.<br><br>   |

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN RAKAN KOLABORASI | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Pelaksanaan Pemindahan Ilmu dan Teknologi & Pembangunan Modal Insan** | **KELAS/LATIHAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) – MODUL PENANAMAN CENDAWAN**<br>  <br>   |

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN RAKAN KOLABORASI | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Pelaksanaan Pemindahan Ilmu dan Teknologi & Pembangunan Modal Insan** | **KELAS/LATIHAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP)**<br><br>Untuk modul pengurusan kewangan dipindahkan kepada peserta adalah bertujuan untuk memberi pendedahan tentang ilmu dalam menguruskan kewangan untuk perniagaan serta membimbing peserta untuk menjadi usahawan yang berkemahiran tinggi.<br><br>   |

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN RAKAN KOLABORASI | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Pelaksanaan Pemindahan Ilmu dan Teknologi & Pembangunan Modal Insan** | **KELAS/LATIHAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP)**<br><br>Modul pembungkusan dan pelabelan telah dipindahkan kepada peserta adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka tentang kepemtingan mempunyai pembungkusan yang baik dan berkualiti untuk meletakan produk di dalam pasaran serta pelabelan sebagai informasi kepada pembeli untuk mengetahui produk yang dipasarkan.<br>   |

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN RAKAN KOLABORASI | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Pelaksanaan Pemindahan Ilmu dan Teknologi & Pembangunan Modal Insan** | **KELAS/LATIHAN PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP)**<br><br>Seterusnya, kelas KTP bagi modul pemasaran digital dilaksanakan kepada peserta dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka tentang kepentingan pemasaran produk menggunakan platform yang seperti media sosial dan e-dagang yang mampu meningkatkan jualan produk.<br><br><br> |

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PENGLIBATAN DAN PENYERTAAN RAKAN KOLABORASI | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Pelaksanaan Pemindahan Ilmu dan Teknologi & Pembangunan Modal Insan** | **LAWATAN PENANDA ARAS KE LADANG CENDAWAN DI NEGERI SEMBILAN.**<br><br>Satu lawatan penanda aras telah dilakukan oleh sekretariat projek ke ladang pengusaha cendawan tiram di Negeri Sembilan iaitu Uwais Cendawan Agrotech Enterprise. Lawatan ini bertujuan untuk menimba ilmu dan pengetahuan dalam amalan terbaik penanaman cendawan tiram. |






# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PEMBANGUNAN PROJEK | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Pembangunan Pusat Sehenti (OSC)** | **PEMBANGUNAN PUSAT SEHENTI (OSC) PROJEK D4C**<br><br>Pusat Sehenti *(One Stop Centre)* telah dibangunkan bagi pengoperasian Projek D4C untuk menguruskan hasil cendawan bagi tujuan penggredan, pembungkusan dan pelabelan produk segar. OSC ini disewa bermula bulan Februari 2023 sehingga Januari 2026 (3 Tahun), dengan bayaran sewaan sebulan RM1,000.00 |






# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PEMBANGUNAN PROJEK | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| Pembangunan Pusat Sehenti (OSC) | **PEMBANGUNAN PUSAT SEHENTI (OSC) PROJEK D4C**    |

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

<table>
<tr><th colspan="2">TAHAP PEMBANGUNAN PROJEK</th></tr>
<tr><th>Tahap</th><th>Aktiviti</th></tr>
<tr><td>Kemasukan Bongkah Cendawan</td><td>PROSES KEMASUKAN BONGKAH CENDAWAN<br><br>Sehingga Ogos 2023, 100,000 bongkah cendawan telah dimasukkan melibatkan 20 rumah cendawan di kawasan Padang Besar, Arau & Kangar. 4 buah rumah cendawan di kawasan Kampung Wang Besar akan dimasukkan bongkah pada bulan Oktober 2023 bagi melengkapi pusingan pertama penanaman.<br> </td></tr>
</table>

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

## TAHAP PEMBANGUNAN PROJEK

| Tahap | Aktiviti |
| --- | --- |
| Kemasukan Bongkah Cendawan | **PROSES KEMASUKAN BONGKAH CENDAWAN** |














# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PEMBANGUNAN PROJEK | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Pelaksanaan Pemindahan Ilmu dan Teknologi & Pembangunan Modal Insan** | **TAKLIMAT BERSAMA PESERTA SEBELUM SESI KEMASUKAN BONGKAH CENDAWAN**<br><br>Sekretariat telah mengadakan taklimat khas bersama peserta sebelum bongkah cendawan dimasukkan ke dalam rumah cendawan mereka. Taklimat ini merangkumi Teknik penanaman, persekitaran rumah cendawan dan tata Kelola pengurusan dan penjagaan bongkah cendawan.<br><br>   |

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

<table>
<tr><th colspan="2">TAHAP PEMBANGUNAN PROJEK</th></tr>
<tr><th>Tahap</th><th>Aktiviti</th></tr>
<tr><td>Penyertaan Industri sebagai rantaian pemasaran untuk menjamin kelangsungan projek</td><td>FOOD TESTING PRODUK HILIRAN<br><br>Vegan patty burger telah dibangunkan oleh Oblong Burger – Seleraku Trading Sdn. Bhd. dengan menggunakan bahan mentah iaitu cendawan tiram. Sesi Food Testing telah diadakan bersama sekretariat projek untuk menilai hasil daripada pembangunan produk tersebut.<br>  </td></tr>
</table>

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

<table>
<tr><th colspan="2">TAHAP PEMBANGUNAN PROJEK</th></tr>
<tr><th>Tahap</th><th>Aktiviti</th></tr>
<tr><td>Penyertaan Industri sebagai rantaian pemasaran untuk menjamin kelangsungan projek</td><td>

PENGENALAN PRODUK HILIRAN – MUSHROOM PATTY BURGER

Produk hiliran iaitu Mushroom Patty Burger yang telah dibangunkan oleh Oblong Burger – Seleraku Trading Sdn. Bhd. telah diperkenalkan kepada orang ramai di Hari Penternak, Peladang & Nelayan (HPPN) Negeri Kedah 2023. Tujuan pengenalan ini dilaksanakan adalah untuk meninjau maklumbalas orang ramai terhadap produk ini.








</td></tr>
</table>

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PEMBANGUNAN PROJEK | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Penyertaan Industri sebagai rantaian pemasaran untuk menjamin kelangsungan projek** | **PEMBANGUNAN PRODUK HILIRAN – BAJA KOMPOS**<br><br>Baja kompos daripada sisa bongkah cendawan akan dibangunkan oleh Fermwaste Sdn. Bhd. Proses pembangunan baja kompos ini akan dimulakan pada bulan Oktober 2023. |








# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PEMANTAUAN & PENILAIAN PROJEK | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Pemantauan Prestasi, Hasil, Impak dan Kejayaan Projek** | **SESI PERBINCANGAN & PEMANTAUAN RUMAH CENDAWAN**<br><br>Sekretariat Projek telah mengadakan lawatan ke rumah cendawan yang telah dimasukkan bongkah bagi tujuan pemantauan dari segi penjagaan bongkah. Selepas pemantauan dijalankan, satu perbincangan turut diadakan bagi membentangkan hasil dapatan pemantauan untuk penambahbaikan kepada peserta.<br><br>   |

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PEMANTAUAN & PENILAIAN PROJEK | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Pemantauan Prestasi, Hasil, Impak dan Kejayaan Projek** | **HASIL PENGELUARAN CENDAWAN – PUSINGAN PERTAMA**<br><br>Sehingga Ogos 2023, anggaran kasar sekitar 4,500 kilograms pengeluaran cendawan telah direkodkan.<br><br> |

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

<table>
<tr><th colspan="2">TAHAP PEMANTAUAN & PENILAIAN PROJEK</th></tr>
<tr><th>Tahap</th><th>Aktiviti</th></tr>
<tr><td>Pemantauan Prestasi, Hasil, Impak dan Kejayaan Projek</td><td>SESI PERTEMUAN DAN PEMBENTANGAN PRESTASI PESERTA<br><br>Sekretariat Projek D4C telah mengadakan pertemuan bersama peserta bagi kawasan Arau, Kg. Padang Siding dan Kg. Rambai untuk membentangkan prestasi penanaman cendawan pusingan pertama dan penyerahan pendapatan jualan cendawan kepada peserta.<br><br> </td></tr>
</table>

# STATUS TERKINI PELAKSANAAN PROJEK D4C

| TAHAP PEMANTAUAN & PENILAIAN PROJEK | |
|---|---|
| **Tahap** | **Aktiviti** |
| **Pemantauan Prestasi, Hasil, Impak dan Kejayaan Projek** | **PENSIJILAN HAK CIPTA RUMAH CENDAWAN**<br><br>Reka bentuk rumah cendawan telah mendapat kelulusan bagi pensijilan hak cipta daripada pihak Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 29 Ogos 2023. Sijil hak cipta akan dikeluarkan selepas enam (6) bulan kelulusan diberikan.<br><br>MyIPO<br>Perbadanan Harta Intelek Malaysia<br>Intellectual Property Corporation of Malaysia<br><br><br>*"Indera Cottage"* |